

# Pesilat jayakan *1Malaysia Green 1Malaysia Clean*

UM 13.5.2015 26

**KOTA KINABALU 12 Mei** - Seramai 300 pesilat daripada Kelab Silat Cekak Pustaka Hanafi (SCPH), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyumbang bakti dalam Program *1Malaysia Green 1Malaysia Clean* di Taman Awam Teluk Likas dekat sini baru-baru ini.

Yang Dipertuannya, Mohd. Syaffezh Edham Ahmed berkata, program anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan kerjasama SCPH itu bertujuan menarik penglibatan golongan muda dalam aspek penjag-

aan kebersihan sekeliling.

“Kita juga mahu mendidik anak muda khususnya yang terlibat dalam seni mempertahankan diri supaya berdisiplin dan menjadikan kebersihan sebagai suatu keutamaan.

“Program ini mampu membentuk mereka supaya cintakan kebersihan terutama kebersihan di tempat-tempat awam dan kawasan tumpuan pelancongan,” katanya.

Program *1Malaysia Green 1Malaysia Clean* menyaksikan pengisian

pelbagai aktiviti menarik termasuk acara gotong-royong membersihkan kawasan Teluk Likas serta persembahan silat daripada pesilat SCPH, Silat Seni Gayung Fatani dan Silat Raja Pukulan Awang Daik.

Mohd. Syaffezh memberitahu, penglibatan SCPH dalam program itu juga bertujuan mempromosikan *My Silat My Fest 2015* yang akan menghimpunkan seramai 50,000 pesilat seluruh negara pada 29 Ogos ini di Kuala Lumpur.



**PARA pesilat Kelab SCPH mengutip sampah dalam program *1Malaysia Green 1Malaysia Clean* di Taman Awam Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah, baru-baru ini.**